

TARIKH	/ / 2014	SEKSYEN	DALAM NEGERI
MUKA SURAT	24	RUANGAN	

MERS-CoV: Saringan suhu di KLIA

PUTRAJAYA 29 April - Pemeriksaan saringan suhu badan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) akan diteruskan walau-pun tiada kes baharu jangkitan Sindrom Per-nafasan Timur Tengah (MERS-CoV) dikesan di negara ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, langkah berjaga-jaga itu diambil bagi memastikan jangkitan sindrom tersebut tidak menular di kalangan rakyat.

"Pemeriksaan saringan suhu badan kepada penumpang akan dijalankan untuk mengesan sama ada mereka mengalami demam atau tidak.

"Sekiranya ada, mereka akan dipanggil untuk disoal siasat dan menjalani pemeriksaan lanjut," katanya ketika diminta mengulas berhubung kenyataan kementerian berhubung pengesahan tiada kes baharu MERS-CoV di kesan di negara ini semalam.

Beliau sebelum itu merasmikan Sidang Kemuncak Pemimpin Penjagaan Kesihatan Kebangsaan: Pesaldi untuk Pesaldi di Hotel Marriot di sini hari ini.

Pengesahan itu dibuat selepas beraldihnya tempoh pengawasan kesihatan selama 14 hari dari tarikh akhir yang melibatkan satu kes kematian di Batu Pahat, Johor.

Menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdul-lah, sehingga tarikh akhir pengawasan, sebanyak 222 kontak telah dikesan di seluruh negara, tetapi bagaimanapun kesemuanya berada dalam keadaan sihat.